

# *Robo-Rest* jamin Malaysia peneraju minyak sawit dunia



**ABU Bakar Mohamad Diah (kiri) melihat prototip *Robo-Rest* sambil mendengar penerangan wakil Dolphin dengan diperhatikan Abdul Aziz Ariffin (dua dari kiri) dan Eric Low (tengah) di Kuala Lumpur, semalam.**

KUALA LUMPUR 26 Nov. - Kejayaan Universiti Putra Malaysia (UPM) membangunkan teknologi peleraian menggunakan tekanan wap tinggi yang dikenali sebagai *Robo-Rest* dapat memastikan Malaysia terus unggul sebagai peneraju teknologi minyak kelapa sawit di peringkat antarabangsa.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, teknologi itu dapat mempercepatkan proses pensterilan dan peleraian buah kelapa sawit kepada 45 minit berbanding masa yang diambil sekarang iaitu satu hingga dua jam.

"Pada masa sama, teknologi ini mampu menjimatkan kos elektrik, pemasangan dan pengeluaran oleh kilang untuk menyiapkan proses pensterilan dan peleraian buah kelapa sawit.

"Dengan mengekalkan tekanan wap tinggi, bukan sahaja kehilangan minyak kelapa sawit berjaya dikurangkan malah turut

mampu memasak buah dari tandan segar," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Teknologi *Robo-Rest* merupakan hasil ciptaan Prof. Madya Dr. Abdul Aziz Ariffin dari Fakulti Sains dan Teknologi Makanan dengan menggabungkan kepakaran penyelidik UPM dalam bidang kejuruteraan.

Katanya, memandangkan industri minyak sawit dunia dianggarkan memproses 285 juta tan buah tandan segar tahun ini, teknologi *Robo-Rest* mampu mensterilkan sebanyak 15 hingga 20 tan dalam satu-satu tempoh peleraian.

Terdahulu, Abu Bakar menyaksikan majlis Pertukaran Dokumen Perjanjian Pengkomersialan antara UPM dan Dolphin Applications Sdn. Bhd. (Dolphin) diwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd. Saleh Jaafar, Pengurus Besar UPM Innovations Sdn. Bhd, Prof. Dr. Husaini Omar dan Pengurus Besar Dolphin, Eric Low Teck Yin.